

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan pembelajaran melalui kaedah PdPR dan apakah usaha bagi mengatasi isu keciciran pelajar sewaktu sesi pembelajaran melalui PdPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid. PdPR boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (online), luar talian (off-line) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi menilai tahap keberkesanan PdP semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-based Learning* yang ditadbir secara dalam talian. Kajian ini memfokuskan kepada PdPR semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Skop kajian meliputi aspek pelaksanaan PdPR dalam tempoh Mac hingga Julai tahun 2020 yang merangkumi pendekatan, kaedah, strategi, aplikasi dan peralatan yang digunakan dalam pelaksanaan PdPR. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada penjadualan PdPR, penyusunan semula Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan pentaksiran. Kajian ini melibatkan 13,156 orang pentadbir sekolah, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga. Dapatan kajian menunjukkan pelibatan murid di bandar dalam PdPR secara dalam talian adalah sebanyak 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus bagi murid di luar bandar. Bagi RPT pula, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana. Sebanyak 34.1 peratus murid menyatakan hasil pembelajaran di rumah adalah tidak seperti yang diperoleh di sekolah dan merupakan punca pembelajaran kurang berkesan.

SOALAN NO : 3

Selain itu, 51.2 peratus murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan tersebut, 48.9 peratus murid menyatakan sebab tertekan adalah kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0 peratus murid tertekan disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan. Sebanyak 53.4 peratus murid pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat murid menganggap PdPR merupakan suatu pengalaman baharu. Sebanyak 56.6 peratus murid berjaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran di rumah dan 49.7 peratus murid berasa seronok semasa mengikuti PdPR. Sebanyak 57.5 peratus murid berjaya menyiapkan tugasan atau latihan yang diberikan oleh guru dalam masa yang ditetapkan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 36.0 peratus murid boleh belajar sendiri menggunakan bahan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP.

Selain daripada pelaksanaan kajian tersebut, pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian. Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbang murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugasan yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugasan dengan

SOALAN NO : 3

pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*. Rumusan daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa guru berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR. Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan semua murid mengikuti PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 31 Oktober 2021 menunjukkan peningkatan peratus murid yang mengikuti PdPR. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.2 peratus, iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.3 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 20 peratus, iaitu daripada 78.0 peratus kepada 98.0 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk melaksanakan PdP secara luar talian melalui penggunaan buku teks. Buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada murid. Guru juga mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain itu, KPM telah memperkenalkan semula siaran TV Pendidikan. Murid boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Kandungan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kurikulum peringkat prasekolah hingga tingkatan enam. Di samping itu, kandungan rancangan TV Pendidikan turut memuatkan slot yang berkaitan kokurikulum.

SOALAN NO : 3

KPM turut melaksanakan penajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KMPPerkasaKU). Program KMPPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

KPM juga telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti PdPR secara berkesan, seterusnya dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara.